

Pak Lah sampai amanat pertama sebagai PM di P. Pinang

UM 29 OCT 2003

BALIK PULAU 28 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menyampaikan amanat pertama di negeri kelahirannya pada petang Sabtu ini selepas dilantik sebagai Perdana Menteri kelima.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr. Hilmi Yahaya berkata, aturcara sambutan yang akan bermula pada pukul 3.45 petang di lapangan terbang lama di Bayan Lepas itu dijangka melibatkan lebih 10,000 rakyat dari pelbagai lapisan dan kaum.

Beliau berkata, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri de-

ngan kerjasama seluruh parti-parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah mengatur program yang agak padat pada hari tersebut bagi menandakan rasa syukur di atas pelantikan Abdullah.

“Kita amat berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana telah memilih beliau sebagai pengganti, kita juga jemput rakan-rakan dari negeri lain terutama di utara Semenanjung bagi meraikan beliau,” katanya.

Beliau mengulas persiapan menyambut ketibaan Abdullah yang akan mengangkat

sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia, Jumaat ini.

Setibanya di Pulau Pinang, Abdullah akan disambut oleh diketuai oleh Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang dijangka turut menyampaikan ucapan.

Kata Hilmi, keseluruhan seramai 30,000 orang dijangka terlibat dalam sambutan itu termasuk di sepanjang laluan di bahagian pulau hingga ke pekarangan kediaman Abdullah di Kepala Batas.

Jelas beliau, kira-kira 2,000 buah motosikal akan turut mengiringi perarakan dari lapangan terbang lama hingga ke Kepala Batas.